

**KESEDIAAN PENSYARAH TEKNIKAL TERHADAP
PELAKSANAAN *SCHOOL ENTERPRISE* DI KOLEJ
VOKASIONAL WILAYAH UTARA**

HANIM BINTI ZAINAL

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

KESEDIAAN PENSYARAH TEKNIKAL TERHADAP PELAKSANAAN
SCHOOL ENTERPRISE DI KOLEJ VOKASIONAL WILAYAH UTARA

HANIM BINTI ZAINAL

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JAN 2016

*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.
Selawat dan Salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W.*

Ingatan berkekalan yang abadi,

Teristimewa buat Bonda yang disayangi..

Hajah Hasanah Binti Haji Salleh.

Buat Ayahanda yang dikasihi..

Haji Zainal Bin Haji Harun.

Keluarga tersayang..

Along dan banglong, angah dan bangah, adik faiz dan adik dayah.

~Anak-anak buah yang sentiasa mencuit hatiku..

Yaya, Nana, Fifi, Auni, Farhan dan Aufa.

*Terima kasih atas segala doa, restu dan pengorbanan kalian yang sentiasa ada disisi
dan sentiasa membuatku tersenyum selalu.*

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S. W. T. kerana dengan limpah kurniaNya, projek sarjana ini telah berjaya disiapkan. Saya ingin menukilkan penghargaan saya kepada para insan yang telah banyak memberi bimbingan, bantuan dan sokongan sepanjang saya menyiapkan projek ini.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya iaitu En. Noorazman bin Abd. Samad untuk semua bimbingan, nasihat, dan bantuan yang telah diberikan kepada saya serta memberikan idea-idea bernas dan bermanfaat sepanjang projek ini berjalan.

Kepada Ketua Penilai dan Penilai projek sarjana ini iaitu, Prof. Madya Dr. Kamarolzaman bin Md Jidi dan Dr. Normah binti Zakaria di atas pandangan dan komen yang membina dalam membantu menyempurnakan projek ini.

Kepada keluarga yang tersayang, yang begitu banyak memberi sokongan, nasihat dan semangat selama waktu pembelajaran sarjana saya di sini, ia sangat memberikan pengalaman yang banyak mendewasakan diri saya.

Moga-moga kajian ini dapat memberikan idea untuk penambahbaikan pada masa hadapan berkenaan dengan kesediaan pensyarah KV terhadap pelaksanaan *School Enterprise* di Kolej Vokasional bagi memantapkan lagi program *School Enterprise* yang dilaksanakan ketika ini.

ABSTRAK

Pelaksanaan *School Enterprise* merupakan salah satu aktiviti pendidikan berteraskan bidang keusahawanan yang dijalankan di Kolej Vokasional pada masa ini. Program *School Enterprise* yang dilaksanakan di Kolej Vokasional juga merupakan salah satu elemen pengajaran dan pembelajaran yang memberikan peluang kepada para pensyarah dan pelajar khususnya untuk melalui pengalaman sebenar dalam dunia perniagaan serta mengaplikasikan konsep dan teori pendekatan perniagaan yang dipelajari ke situasi yang sebenar. Para pensyarah dilihat sebagai individu yang bertanggungjawab dalam menjayakan pelaksanaan *School Enterprise* ini. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti tahap kesediaan para pensyarah dalam pelaksanaan *School Enterprise* di empat buah Kolej Vokasional Wilayah Utara Semenanjung iaitu KV Alor Setar, KV Sungai Petani 2, KV Arau dan KV Kangar. Persepsi terhadap kesediaan para pensyarah dilihat daripada aspek pengetahuan, amalan dan kemahiran. Seramai 100 orang para pensyarah daripada empat buah Kolej Vokasional Wilayah Utara dipilih secara rawak bagi menjawab soal selidik yang diberikan. Analisis data ini melibatkan skor min dan sisihan piawai untuk menentukan skor min serta *ANOVA* untuk mencari perbezaan pada aspek yang dikehendaki. Didapati purata skor min kesediaan pensyarah KV di Wilayah Utara daripada aspek amalan (min=3.97) dan pengetahuan (min=3.796) serta kemahiran (min=3.821) adalah tinggi. Hal ini menunjukkan persepsi tahap kesediaan para pensyarah daripada sudut pengetahuan, amalan dan kemahiran berada pada tahap yang tinggi terhadap pelaksanaan *School Enterprise*. Hal ini disebabkan kebanyakan pensyarah KV telah bersedia melaksanakan program *School Enterprise* namun terdapat kekangan seperti bebanan tugas dan kerja di KV yang memaksa para pensyarah mendominasi tugas pentadbiran berbanding program yang berkisarkan pada keusahawanan ini. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan mengenai kesediaan pensyarah teknikal terhadap pelaksanaan *School Enterprise* di Kolej Vokasional Wilayah Utara.

ABSTRACT

Implementation of School Enterprise is an education based on entrepreneurship activities conducted at Vocational Colleges nowadays. School Enterprise Program held at the Vocational College is one of the elements of teaching and learning opportunities for teachers and students in particular to the actual experience in the business world hence apply concepts and theories learned as a business approach to real situations. The lectures are implies seen as the person responsible for the success implementation of the School Enterprise. Therefore, this study was conducted to identify the level of readiness among lecturers in the implementation of the School Enterprise in four Northern Peninsular Area Vocational College of KV Alor Setar, KV Sungai Petani 2, KV Arau and KV Kangar. Perceptions of preparedness among lecturers viewed from the aspect of knowledge, practices and skills. A total of 100 lecturers from four Northern Regional Vocational College randomly selected to answer a questionnaire that was given. Analysis of these data mean scores and standard deviations to determine the mean and ANOVA in order to find differences in the desired ratio. It was found that the average score readiness KV lecturers in the Northern Territory in terms of practice (mean=3.97) and knowledge (mean=3.796) and skills (min=3.821) is high. This shows the perception of the level of preparedness among lecturers from the point of knowledge, practice and skills are at a high level on the implementation of School Enterprise. This is because most of the lecturers have been prepared to implement the program KV School Enterprise but there are constraints such as workload and work in KV which forced the lecturers to dominate over administrative duties in depictions program on entrepreneurship. In conclusion, this study showed no significant difference in the availability of technical lectures on the implementation of the School Enterprise in the Northern Region Vocational College.

KANDUNGAN

	TAJUK	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xv
	SENARAI SINGKATAN	xvi
	SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1	Pengenalan	1
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	4
	1.3 Pernyataan Masalah	5
	1.4 Tujuan Kajian	6
	1.5 Objektif Kajian	6
	1.6 Persoalan Kajian	7
	1.7 Hipotesis Kajian	7
	1.8 Kepentingan Kajian	7
	1.8.1 Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional	8
	1.8.2 Kolej Vokasional	8

1.8.3	Pensyarah	9
1.8.4	Pelajar	9
1.9	Skop Kajian	9
1.10	Batasan Kajian	9
1.11	Kerangka Konsep	10
1.12	Definisi Istilah dan Pengoperasian	11
	1. Kesediaan Pensyarah	11
	2. Pelaksanaan <i>School Enterprise</i>	11
	3. <i>School Enterprise</i>	11
	4. Keusahawanan	12
	5. Pengetahuan	12
	6. Kemahiran	12
	7. Amalan	12
1.13	Rumusan	13
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	14
2.1	Pengenalan	14
2.2	Teori Kompetensi	14
2.3	Kesediaan pensyarah melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran berorientasikan <i>School Enterprise</i>	15
2.3.1	Tahap Amalan Pensyarah terhadap pelaksanaan <i>School Enterprise</i>	16
2.3.2	Tahap Pengetahuan Pensyarah terhadap Pelaksanaan <i>School Enterprise</i>	18
2.3.3	Tahap Kemahiran Pensyarah terhadap Pelaksanaan <i>School Enterprise</i>	19
2.4	Konsep <i>School Enterprise</i> di Kolej Vokasional	21

2.5	Pelaksanaan <i>School Enterprise</i> di Kolej Vokasional	22
2.6	Definisi <i>School Enterprise</i>	23
2.7	Konsep <i>School Enterprise</i>	24
2.8	Transformasi Pendidikan Vokasional	25
2.9	Rumusan	27
BAB 3	METODOLOGI	28
3.1	Pengenalan	28
3.2	Reka Bentuk Kajian	28
3.3	Prosedur Kajian	29
3.4	Pengumpulan Data	31
3.5	Populasi dan Sampel Kajian	31
3.6	Instrumen Kajian	33
3.7	Kajian Rintis	34
3.8	Kesahan	35
3.9	Kebolehpercayaan	35
3.10	Kaedah Analisis Kajian	36
3.11	Rumusan	38
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	39
4.1	Pengenalan	39
4.2	Analisis kebolehpercayaan soal selidik	40
4.3	Pulangan borang soal selidik	40
4.4	Analisis Demografi Responden	41
4.4.1	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Responden Mengikut Tempat Berkhidmat	41
4.4.2	Taburan Kekerapan Dan Peratusan	42

	Responden Mengikut Tempoh Berkhidmat	
4.4.3	Taburan Kekekapan Dan Peratusan Responden Mengikut Bidang Pengajaran	42
4.5	Analisis Tahap Kesiediaan Pensyarah Terhadap Aspek Amalan	43
4.6	Analisis Tahap Kesiediaan Pensyarah Terhadap Aspek Pengetahuan	45
4.7	Analisis Tahap Kesiediaan Pensyarah Terhadap Aspek Kemahiran	47
4.8	Analisis Perbezaan Tahap Kesiediaan Pensyarah Berdasarkan Tempat Berkhidmat	50
4.8.1	Ujian <i>ANOVA</i> sehalu perbezaan kesiediaan pensyarah terhadap aspek amalan berdasarkan tempat berkhidmat	51
4.8.2	Ujian <i>ANOVA</i> sehalu perbezaan kesiediaan pensyarah terhadap aspek pengetahuan berdasarkan tempat berkhidmat	53
4.8.3	Ujian <i>ANOVA</i> sehalu perbezaan kesiediaan pensyarah terhadap aspek kemahiran berdasarkan tempat berkhidmat	54
4.9	Rumusan	56
BAB 5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	57
5.1	Pengenalan	57
5.2	Perbincangan	57
5.2.1	Kesiediaan pensyarah KV terhadap pelaksanaan program <i>School Enterprise</i> dari aspek amalan	58

5.2.2	Kesediaan pensyarah KV terhadap pelaksanaan program <i>School Enterprise</i> dari aspek pengetahuan	59
5.2.3	Kesediaan pensyarah KV terhadap pelaksanaan program <i>School Enterprise</i> dari aspek latihan kemahiran	60
5.2.4	Perbezaan kesediaan pensyarah KV terhadap pelaksanaan <i>School Enterprise</i> dari segi amalan, pengetahuan dan kemahiran berdasarkan tempat berkhidmat	60
5.3	Kesimpulan	61
5.4	Cadangan dapatan kajian	62
5.4.1	Cadangan kepada pihak KPM	62
5.4.2	Cadangan kepada pihak pengurusan KV	63
5.4.3	Cadangan kajian lanjutan	63
5.5	Penutup	64
	RUJUKAN	65
	LAMPIRAN	71

SENARAI JADUAL

3.1	Penentuan saiz sampel	32
3.2	Pemberatan skala <i>Likert</i>	33
3.3	Pembahagian instrumen soal selidik	34
3.4	Keputusan ujian kebolehpercayaan item kajian rintis	35
3.5	Tafsiran skor <i>Alpha Cronbach</i>	36
3.6	Keputusan ujian kebolehpercayaan item kajian sebenar	36
3.7	Adaptasi pengelasan julat skor min	37
4.1	Bilangan dan peratusan pulangan set borang soal selidik	40
4.2	Taburan responden mengikut tempat berkhidmat	41
4.3	Taburan responden mengikut tempoh berkhidmat	42
4.4	Taburan responden mengikut bidang pengajaran	43
4.5	Min skor dan sisihan piawai bagi item bahagian amalan	43
4.6	Min skor dan sisihan piawai bagi item bahagian pengetahuan	46
4.7	Min skor dan sisihan piawai bagi item bahagian kemahiran	49
4.8	Dapatan analisis <i>skewness</i> dan <i>kurtosis</i>	50
4.9	Dapatan ujian statistik <i>levne</i>	51
4.10	Min skor perbezaan tahap kesediaan pensyarah dalam aspek amalan berdasarkan tempat berkhidmat	52

4.11	Dapatan ujian <i>ANOVA</i> perbezaan tahap kesediaan pensyarah dalam aspek amalan berdasarkan tempat berkhidmat	52
4.12	Ujian <i>Post Hoc Scheffe</i> perbezaan tahap kesediaan pensyarah dalam aspek amalan berdasarkan tempat berkhidmat	52
4.13	Min skor perbezaan kesediaan pensyarah terhadap aspek pengetahuan berdasarkan tempat berkhidmat	53
4.14	Ujian <i>ANOVA</i> perbezaan kesediaan pensyarah terhadap aspek pengetahuan berdasarkan tempat berkhidmat	54
4.15	Min skor perbezaan kesediaan pensyarah terhadap aspek kemahiran berdasarkan tempat berkhidmat	55
4.16	Ujian <i>ANOVA</i> perbezaan kesediaan pensyarah terhadap aspek kemahiran berdasarkan tempat berkhidmat	55
4.17	Ujian <i>Post Hoc Scheffe</i> perbezaan kesediaan pensyarah terhadap aspek kemahiran berdasarkan tempat berkhidmat	55

SENARAI RAJAH

1.1	Kerangka konsep kajian	10
3.1	Carta alir kerangka operasi kajian	30

SENARAI SINGKATAN

<i>ANOVA</i>	-	<i>Analysis Of Variance</i>
BPTV	-	Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional
ERT	-	Ekonomi Rumah Tangga
JPK	-	Jabatan Pembangunan Kemahiran
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
KV	-	Kolej Vokasional
<i>NGO</i>	-	Badan Bukan Kerajaan
PPPM	-	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PTV	-	Pendidikan Teknik dan Vokasional
<i>SE</i>	-	<i>School Enterprise</i>
SIRIM	-	Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia
<i>SPSS</i>	-	<i>Statistical Package for The Social Sciences</i>
TVET	-	<i>Technical and Vocational Education Training</i>
UTHM	-	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

A	Lampiran <i>Krejcie dan Morgan</i>	73
B	Borang Soal Selidik	75
C	Analisis <i>SPSS</i>	81
D	Borang Semakan Soal Selidik	94
E	Surat Kebenaran Kajian	105

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

School Enterprise merupakan salah satu program yang menggunakan pendekatan perniagaan dalam aspek pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Program *School Enterprise* adalah berkaitan dengan pengaplikasian keusahawanan dengan persekitaran sebenar di alam pekerjaan. Keusahawanan merupakan salah satu pengetahuan dan kemahiran menghasilkan sesuatu produk atau menyediakan perkhidmatan yang berkaitan dengan bidang vokasional (Amimudin, 2011). Di Kolej Vokasional, para pelajar didedahkan kepada aspek keusahawanan melalui '*School Enterprise*' selaras dengan hala tuju Kolej Vokasional sendiri yang mensasarkan graduannya sebanyak 10 peratus akan menjadi usahawan. Menurut *Van Aardt et al.*(2008), keusahawanan adalah sebagai tindakan permulaan, mencipta, membina dan memperluaskan satu perusahaan atau organisasi, mewujudkan satu pasukan keusahawanan serta mengumpul sumber-sumber untuk mencari peluang dalam pasaran jangka panjang manakala *Giacomin et al.* (2010), kerajaan menyedari kepentingan pendidikan keusahawanan diterapkan dalam sistem pendidikan negara kerana aktiviti keusahawanan adalah satu komponen penting dalam pertumbuhan ekonomi, inovasi dan pekerjaan. Justeru, elemen keusahawanan amat penting untuk mengenalpasti peluang perniagaan, mentadbir perniagaan, mengambil risiko serta menghasilkan sesuatu yang baru secara kreatif dan inovatif. Kebiasaannya setiap koperasi di Kolej Vokasional melaksanakan perniagaan yang berbentuk *School Enterprise* di mana tidak kesemua warga sekolah yang terlibat tetapi hanya melibatkan pasaran setempat.

Walau bagaimanapun, penglibatan pelajar dalam *School Enterprise* ini menjadikan mereka lebih kreatif, inovatif, produktif, berdaya saing dan berdikari.

Selain itu, *School Enterprise* juga turut membantu meningkatkan kemahiran guru dan menarik minat pelajar untuk mendalami pendidikan teknik dan vokasional (Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009). Ilmu pengetahuan dalam pendidikan dan latihan vokasional dapat membantu pelajar untuk lebih rapat bersama komuniti dan akhirnya membantu komuniti tersebut bagi menjanakan ekonomi setempat. Oleh itu, ia dapat menyumbang ke arah peningkatan kualiti kerja, menjana ekonomi serta meningkatkan pendapatan khususnya rakyat Malaysia. Malah antara matlamat transformasi pendidikan vokasional ialah membentuk lepasan pendidikan vokasional yang bersedia menyertai pasaran kerja dan menjadi usahawan berdaya saing (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012).

Objektif penubuhan Kolej Vokasional (KV) adalah bagi menghasilkan lepasan pelajar KV yang memiliki sijil kemahiran atau diploma yang diiktiraf oleh pihak kerajaan dan juga badan persijilan kebangsaan seperti Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) , Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan lain-lain. Matlamat utama Kolej Vokasional adalah untuk menghasilkan sebanyak 20 peratus lepasan pendidikan ini yang bersedia melanjutkan pengajian vokasional ke peringkat lebih tinggi. Manakala untuk melahirkan lepasan pendidikan Kolej Vokasional yang mempunyai tahap kebolehpekerjaan yang tinggi, disasarkan seramai 70 peratus daripada graduan akan mendapat tempat di dalam industri dan sebanyak 10 peratus lagi lepasan pendidikan Kolej Vokasional berupaya menjadi usahawan yang berdaya saing dan berpandangan jauh ke hadapan. Oleh itu, pendidikan keusahawanan merupakan bidang yang sesuai untuk ditawarkan di Kolej Vokasional bagi membangunkan elemen dan potensi keusahawanan dalam diri pelajar Kolej Vokasional yang menepati keperluan masyarakat (Sluis *et al.* 2004 & Din *et al.* 2005).

Dengan wujudnya transformasi dan peluang terhadap bidang keusahawanan seperti ini, pihak kerajaan berharap agar para pelajar Kolej Vokasional dapat menggunakan peluang yang diberikan sebaik mungkin dalam program '*School Enterprise*' ini. Hal ini disebabkan kerana bidang keusahawanan merupakan satu bentuk disiplin yang menjadi tonggak kepada pembangunan dan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Keusahawanan sebenarnya bukanlah suatu fenomena baru dalam sesebuah masyarakat tetapi keusahawanan telah bermula sejak manusia mengetahui akan kewujudan dan kepentingan hidup bermasyarakat dan telah berkembang sepanjang zaman bersama-sama dengan teori keusahawanan. Kerjaya

usahawan merupakan satu bidang yang mampu menjana pendapatan lumayan jika diusahakan bersungguh-sungguh. Justeru, bidang keusahawanan ini membuka peluang kepada pelajar untuk melibatkan diri dalam dunia perniagaan bagi meningkatkan ekonomi mereka.

Kebanyakan Kolej Vokasional kekurangan peralatan yang diperlukan kerana kos peralatan agak tinggi dan keluasan bengkel adalah terhad. Ini bertepatan dengan Hassan (2010) dalam kajiannya terhadap pembangunan budaya keusahawanan menerusi pelaksanaan 'Program Tunas Bistari' yang mendapati kemudahan pembelajaran dan kesesuaian lokasi latihan adalah pada tahap sederhana. Hal ini memberikan kesan negatif dan menjejaskan kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran malah motivasi para pelajar. Infrastruktur dan kelengkapan Pendidikan Teknikal dan Vokasional dari aspek bangunan, bengkel, peralatan dan mesin yang mencukupi dan berfungsi serta diselenggara dengan baik memainkan peranan penting dalam keberkesanan sesuatu program latihan (Hisyam dan Abdullah, 2010). Ini turut disokong oleh Buang (2002) yang menyatakan bahawa pelaksanaan sesuatu program keusahawanan perlu menyediakan suasana persekitaran yang bersesuaian khususnya di kalangan pelajar itu sendiri.

Oleh itu, dalam usaha untuk menerapkan ciri keusahawanan dalam pembelajaran kini tidak boleh bergantung kepada silibus semata-mata sahaja. Para pensyarah perlu memainkan peranan penting dalam mendorong semangat keusahawanan seperti mana yang dinyatakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir iaitu tenaga pengajar harus bijak mengatur dan menyusun strategi dalam proses pengajaran dan pembelajaran sesuatu mata pelajaran di samping menerapkan ciri-ciri keusahawanan. Dengan pelbagai teknik pengajaran dan pembelajaran yang digunakan seharusnya dapat merangsang dan mengembangkan minda pelajar serta menarik perhatian para pelajar ke arah menjadi seorang usahawan.

Justeru, isu ini memperihalkan bahawa dengan adanya *School Enterprise* dapat mengalakkan para pelajar menceburi bidang keusahawanan sejak di bangku sekolah lagi. Kecenderungan pelajar dalam bidang keusahawanan memberikan impak positif dalam melahirkan generasi usahawan. Bagi tenaga pengajar pula haruslah bersiap sedia daripada segi pengetahuan, amalan dan kemahiran untuk melaksanakan *School Enterprise* dengan baik dan berkesan.

1.2 Latar Belakang Masalah

Terdapat beberapa kajian terhadap program keusahawanan seperti Acosta *et al.*, (2008) dan Shahrin (2010) mendapati bahawa kebanyakan tenaga pengajar tidak memiliki kemahiran dan pengalaman dalam bidang keusahawanan. Draycott dan Rae (2010) menyatakan bahawa bakal tenaga pengajar dan tenaga pengajar yang sedia ada perlu diberikan latihan dengan aspek kemahiran yang selari dengan perkembangan teknologi dan budaya keusahawanan di sektor industri.

Singh (2008) menyatakan keberkesanan program *School Enterprise* berkait rapat dengan tenaga pengajar yang mempunyai kepakaran dan latihan yang mencukupi. Seharusnya mereka dilatih dengan pengetahuan dan kemahiran seiring kehendak industri. Ini turut disokong oleh *European Commission Enterprise and Industry* (2009) yang menyatakan bahawa cabaran utama pelaksanaan pendidikan berasaskan pengeluaran dan keusahawanan adalah menyediakan tenaga pengajar yang kompeten.

Hakikatnya, dalam menyedari bahawa pengajaran secara tradisional lebih tertumpu hanya mempelajari teori-teori yang berkaitan dengan ilmu bidang Ekonomi Rumah Tangga masing-masing malahan tidak cukup untuk menghasilkan para pelajar yang berkemahiran daripada aspek keusahawanan. Sehubungan dengan itu, pembelajaran melalui *School Enterprise* dapat sedikit sebanyak mengasah minda dan tenaga para pengajar dan pelajar untuk menjadi lebih kreatif, menanam sikap ingin tahu dalam kalangan pelajar dan seterusnya dapat memahami sesuatu konsep perniagaan dan keusahawanan melalui *School Enterprise* dengan lebih mendalam.

Menurut kajian Musa (1996) menyatakan bahawa secara hakikatnya tenaga pengajar terutamanya pengajar bidang teknik dan vokasional kurang pengetahuan adalah kerana mereka lebih cenderung kepada bidang teknikal dan bukan usahawan. Membina kefahaman asas keusahawanan dan perniagaan yang akan diceburi amat penting kerana kita sering kali terdengar tentang perniagaan yang dikenal pasti berpotensi namun gagal kerana kegagalan pengurusan keusahawanannya (Abdul Rahman, 2000). Di dalam kajian yang dijalankan oleh Buang dan Yap (2002) menyatakan bahawa penguasaan pengetahuan, kemahiran dan minat tenaga pengajar dalam pendidikan keusahawanan adalah dalam konteks yang lebih luas dan hanya melibatkan pembelajaran kemahiran pengurusan perniagaan sahaja. Kepakaran

tenaga pengajar dan pelajar sebagai pelaksana amat penting dalam pengajaran dan pembelajaran yang dipelajari di kolej vokasional (Ahmad Tajuddin, 2009).

Menurut Tom (2006), tenaga pengajar mata pelajaran keusahawanan lebih cenderung mengamalkan teknik pengajaran tradisional dalam bentuk kuliah dan edaran. Walau bagaimanapun, pendekatan ini lebih sesuai untuk memberikan kefahaman secara umum. Tetapi bagi kajian Hytti dan O’Gorman (2004) mendapati bentuk pengajaran yang mampu melahirkan aspek keusahawanan di tempat kerja boleh dicapai melalui pengalaman bekerja. Malah tenaga pengajar kolej vokasional perlu bijak menggunakan pelbagai pendekatan dan teknik dalam pengajaran (Buang dan Yap, 2002).

Justeru itu, sebagai tenaga pengajar harus dilengkapi secukupnya dengan pengetahuan, amalan dan kemahiran bagi membolehkannya menjalankan peranan dalam pelaksanaan *School Enterprise* dengan cekap. Ini disokong oleh *European Commission Enterprise and Industry* (2009) yang menyatakan bahawa cabaran utama pelaksanaan pendidikan berasaskan pengeluaran dan keusahawanan adalah menyediakan tenaga pengajar yang kompeten dan bersedia daripada segi amalan, pengetahuan dan kemahiran. Maka dengan adanya pelaksanaan *School Enterprise* ini dapat memberikan harapan kepada para pensyarah agar lebih berkebolehan, bersedia dan mahir daripada segi bidang penyediaan perkhidmatan kepada komuniti setempat dan memasarkan produk ke luar.

1.3 Pernyataan Masalah

School Enterprise dianggap sebagai wadah pendidikan ke arah perniagaan yang berteraskan pelajar melalui pengalaman bekerja seperti di industri. Walau bagaimanapun, *School Enterprise* masih baru dilaksanakan di Kolej Vokasional dan masih terdapat perbincangan mengenai dasar dan garis panduan yang sesuai untuk melaksanakan *School Enterprise* oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (Bahagian Teknik dan Vokasional, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009). Kajian Musa (1996) menunjukkan bahawa tenaga pengajar bidang teknik dan vokasional mempunyai keupayaan pengetahuan yang sederhana dalam mengajar pendidikan keusahawanan dan kurang kemahiran dalam menguruskan keusahawanan. Malah mereka juga kurang melibatkan diri dalam kegiatan yang berunsurkan perniagaan.

Oleh itu, dengan mengambil contoh kajian mengenai pembangunan *School Enterprise* di luar negara, pelaksanaan yang sesuai harus diterapkan sebagai satu pendekatan yang efisien untuk membangunkan *School Enterprise* di Malaysia. Di samping itu juga, program *School Enterprise* dapat melahirkan para pelajar yang bukan sahaja berkemahiran dan berkebolehan malah turut berilmu pengetahuan dalam menguruskan sesuatu perniagaan. Seiring dengan itu, pensyarah kolej vokasional kini perlu sentiasa bersedia untuk melakukan anjakan paradigma selari dengan perkembangan semasa di peringkat global. Hal ini turut melibatkan kesediaan tenaga pengajar samaada di tahap yang sama atau tidak dalam melaksanakan *School Enterprise* di seluruh Kolej Vokasional Kajian ini seterusnya perlu dilakukan untuk mengenalpasti tahap kesediaan para pensyarah terhadap pelaksanaan *School Enterprise* di Kolej Vokasional Wilayah Utara.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti persepsi pensyarah teknikal terhadap kesediaan daripada segi amalan, kemahiran dan pengetahuan dalam pelaksanaan *School Enterprise* di Kolej Vokasional yang terpilih di Wilayah Utara. Malah, ia turut bertujuan bagi membantu para pensyarah lebih bersedia dalam pelaksanaan program *School Enterprise* di Kolej Vokasional terbabit.

1.5 Objektif Kajian

Terdapat beberapa objektif yang telah dikenalpasti iaitu :-

- i) Menenalpasti tahap pengetahuan pensyarah teknikal terhadap pelaksanaan *School Enterprise* di Kolej Vokasional Wilayah Utara.
- ii) Menenalpasti tahap amalan pensyarah teknikal terhadap pelaksanaan *School Enterprise* di Kolej Vokasional Wilayah Utara.
- iii) Menenalpasti tahap kemahiran pensyarah teknikal terhadap pelaksanaan *School Enterprise* di Kolej Vokasional Wilayah Utara.
- iv) Menentukan perbezaan antara pengetahuan, amalan dan kemahiran pensyarah terhadap pelaksanaan *School Enterprise* di Kolej Vokasional Wilayah Utara.

1.6 Persoalan Kajian

Persoalan kajian adalah seperti berikut :

- i) Sejauhmanakah tahap amalan pensyarah teknikal terhadap pelaksanaan *School Enterprise* di Kolej Vokasional Wilayah Utara.
- ii) Sejauhmanakah tahap pengetahuan pensyarah teknikal terhadap pelaksanaan *School Enterprise* di Kolej Vokasional Wilayah Utara.
- iii) Sejauhmanakah tahap kemahiran pensyarah teknikal terhadap pelaksanaan *School Enterprise* di Kolej Vokasional Wilayah Utara.
- iv) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara pengetahuan, amalan dan kemahiran pensyarah di empat buah Kolej Vokasional Wilayah Utara.

1.7 Hipotesis Kajian

H_0 : Tidak terdapat perbezaan kesediaan pensyarah terhadap aspek kemahiran berdasarkan tempat berkhidmat.

H_a : Terdapat perbezaan kesediaan pensyarah terhadap aspek kemahiran berdasarkan tempat berkhidmat.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk memberikan pendedahan kepada para pensyarah di Kolej Vokasional Wilayah Utara berkenaan tahap kesediaan mereka dalam mengaplikasikan pengajaran dan pembelajaran berteraskan *School Enterprise*. Malah, pihak pengurusan Kolej Vokasional juga perlu mengetahui pelbagai masalah yang dihadapi oleh golongan pengajar ini yang berkemungkinan gagal dalam pelaksanaan program *School Enterprise*. Selain itu, pihak yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan program tersebut perlu mengambil langkah bijak bagi mengatasi masalah yang dihadapi dan seterusnya memanfaatkan pengajaran dan pembelajaran secara optimum melalui kaedah *School Enterprise*. Di samping itu, kajian ini turut memberikan panduan kepada bakal pengajar Kolej Vokasional di luar sana dalam penyediaan diri menempuhi cabaran semasa melaksanakan program *School Enterprise* kelak.

Kepentingan kajian ini amat penting bagi menghasilkan dapatan kajian yang positif dan seterusnya memberikan manfaat kepada golongan yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan *School Enterprise* tersebut. Seterusnya, kajian ini juga dapat mengenalpasti persepsi pensyarah kemahiran terhadap kesediaan daripada segi amalan, kemahiran dan pengetahuan dalam pelaksanaan *School Enterprise* di Kolej Vokasional yang terpilih di Wilayah Utara. Malah, ia turut bertujuan bagi membantu para pensyarah lebih bersedia dalam pelaksanaan program *School Enterprise* di Kolej Vokasional terbabit. Harapan semoga dengan garapan ilmu kajian yang sedikit ini menjadi panduan dan rujukan kepada pihak yang berkenaan demi usaha menjulang tinggi pendidikan vokasional di era kini :

1.8.1 Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV)

Hasil dapatan kajian diharap dapat membantu pihak Kementerian Pelajaran Malaysia khususnya BPTV sendiri untuk melaksanakan penambahbaikan dalam program yang dijalankan serta mengkaji semula setiap elemen kelemahan atau kegagalan yang wujud jika terdapat sebarang masalah dalam penilaian yang dibuat.

Hasil kajian ini turut memudahkan pihak pentadbiran KPM mencari panduan dan langkah yang bertepatan dalam melaksanakan *School Enterprise* melalui penggubalan dasar kurikulum yang sesuai mengikut perkembangan dan keadaan semasa.

1.8.2 Kolej Vokasional

Kolej Vokasional menjadi tempat utama penyelidik dalam melakukan kajian ini. Terdapat empat buah Kolej Vokasional yang terpilih di Wilayah Utara Semenanjung iaitu Kolej Vokasional Arau, Kolej Vokasional Kangar, Kolej Vokasional Alor Setar dan Kolej Vokasional Sungai Petani 2 yang mempunyai bidang kemahiran seperti menjalankan program *School Enterprise* melalui kursus seperti kulinari, kosmetologi, fesyen, kimpalan, automotif dan penyamanan udara, pengurusan perniagaan dan perakaunan. Kolej Vokasional juga menempatkan pelajarinya selama lapan semester dengan bermula daripada semester satu sehingga semester lapan.

Oleh itu, hasil dapatan kajian ini boleh digunakan sebagai panduan kepada pihak Kolej Vokasional untuk menjalankan penambahbaikan terhadap program *School Enterprise* bagi merealisasikan pelajar yang berjiwa usahawan dan seterusnya mampu menjadi usahawan yang berjaya pada masa hadapan kelak.

1.8.3 Pensyarah

Dapatan kajian ini diharap dapat memberikan panduan kepada para pensyarah di Kolej Vokasional khususnya bidang teknikal dalam usaha melahirkan pelajar yang berinovasi keusahawanan.

1.8.4 Pelajar

Hasil dapatan kajian ini juga diharap dapat membantu para pelajar daripada segi semangat keusahawanan dalam diri pelajar terutamanya di Kolej Vokasional. Secara tidak langsung, pihak Kolej Vokasional diharapkan turut berupaya melahirkan pelajar yang berfikiran kreatif dan inovatif melalui penjanaaan idea para pelajar itu sendiri. Justeru, pelajar ini dapat menguasai sesuatu kemahiran dengan lebih efektif dan efisien berkenaan perniagaan.

1.9 Skop Kajian

Pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini adalah tahap kesediaan pensyarah Kolej Vokasional terhadap pelaksanaan *School Enterprise* manakala pemboleh ubah bebas merupakan faktor yang diukur oleh penyelidik iaitu pengetahuan, amalan dan kemahiran para pensyarah. Penyelidik juga mengenalpasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran, pengetahuan dan amalan para pensyarah dalam kesediaan pelaksanaan *School Enterprise*.


1.10 Batasan Kajian

Batasan kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti tahap kesediaan para pensyarah Kolej Vokasional dalam pelaksanaan *School Enterprise* di empat buah Kolej Vokasional ERT yang terpilih di Wilayah Utara Semenanjung iaitu Kolej Vokasional Arau, Kolej Vokasional Kangar, Kolej Vokasional Alor Setar dan Kolej Vokasional Sungai Petani 2.

1.11 Kerangka Konsep

Penyelidik menggunakan Model Input-Proses-Output (Scheerens, 1992). Faktor masukan (input) terbahagi kepada pengetahuan, amalan dan kemahiran para pensyarah di Kolej Vokasional. Faktor proses pula ialah hubungan antara setiap

aspek kesediaan pensyarah dalam pengajaran dan pembelajaran berkonsepkan *School Enterprise*. Faktor keluaran (output) pula menjurus kepada tahap kesediaan para pensyarah Kolej Vokasional daripada segi pengetahuan, amalan dan kemahiran agar program *School Enterprise* dapat dijalankan dengan jayanya. Rajah 1.1 di bawah ini mewakili kerangka konsep kajian berkenaan.



1.12 Definisi istilah dan operasi

Di dalam kajian ini terdapat beberapa istilah yang telah digunakan. Istilah ini mempunyai maksud yang tertentu. Antara istilah yang digunakan adalah seperti di bawah :

1. Kesiediaan Pensyarah

Menurut Mohamad dan Ahmad (2014), pensyarah merupakan penggerak utama yang akan memastikan kejayaan pelaksanaan sesuatu program. Sehubungan dengan itu, kesiediaan pensyarah perlu diambil kira dalam menentukan keputusan pelaksanaannya. Tahap kesiediaan pensyarah ini diukur daripada elemen pengetahuan, kemahiran dan amalan terhadap pelaksanaan *School Enterprise*.

2. Pelaksanaan *School Enterprise*

Pelaksanaan yang dimaksudkan oleh penyelidik dalam kajian ini adalah merujuk kepada aspek pengajaran dan pembelajaran *School Enterprise* yang dilaksanakan di Kolej Vokasional. Penyelidik cuba mengenalpasti pelaksanaan yang paling relevan digunakan dalam usaha membangunkan konsep *School Enterprise* di negara Malaysia ini.

3. *School Enterprise*

Paul (2005) mendefinisikan *School Enterprise* sebagai satu institusi yang boleh menghasilkan pelajar yang berupaya membangunkan kemahiran perniagaan bermatlamat menjurus kepada mendedahkan pelajar menghadapi risiko untung dan rugi dalam mengusahakan perniagaan. Faktor penting dalam melaksanakan perniagaan ini adalah menghasilkan keuntungan dan seterusnya mengukur objektif pertumbuhan kejayaan menguruskan perniagaan dan mensasarkan serta menghasilkan produk sendiri. Konsep *School Enterprise* ini memfokuskan kepada proses mengajar dan mendedahkan pelajar kepada senario dan pengalaman sebenar di tempat kerja.

4. Keusahawanan

Bidang keusahawanan telah menjadi tonggak kepada pembangunan dan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Definisi keusahawanan mengikut kamus Dewan adalah satu proses pewujudan dan pengembangan perniagaan secara berterusan yang menyumbang kepada proses pembangunan ekonomi sesebuah negara. Keusahawanan secara kreatif dan inovatif menghasilkan barang atau perkhidmatan bagi memenuhi kehendak dan keperluan pengguna dan untuk mendapatkan pulangan hasil daripada pelaburan perniagaan tersebut.

5. Pengetahuan

Definisi pengetahuan adalah apa yang diketahui oleh diri individu itu sendiri (Foskett, 1982). Pengetahuan juga ditafsirkan sebagai fakta, maklumat dan kemahiran yang dikehendaki oleh seseorang melalui pengalaman atau pendidikan secara teori mahupun amali tentang sesuatu perkara itu.

6. Kemahiran

Mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat, kemahiran merupakan kecekapan dan kepandaian melakukan sesuatu. Terdapat tiga jenis kemahiran iaitu kemahiran kognitif, kemahiran afektif dan kemahiran psikomotor.

7. Amalan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, amalan adalah sesuatu yang dilakukan sebagai suatu kebiasaannya. Amalan ini bersifat berterusan di mana seseorang akan menunjukkan reaksi positif jikalau sesuatu perkara itu adalah minatnya. Jikalau negatif, ia dirasakan seperti membebankan kepada seseorang itu.

8. Rumusan

Kesimpulannya menerusi bab ini, penyelidik menerangkan program *School Enterprise* dan kaitannya dengan tahap kesediaan pensyarah terhadap pelaksanaan *School Enterprise* bagi bidang teknikal di Kolej Vokasional. Tahap kesediaan pensyarah KV dikaji daripada aspek pengetahuan, kemahiran dan amalan mereka dalam melaksanakan *School Enterprise*. Selain itu, tahap kesediaan pensyarah KV dalam pelaksanaan *School Enterprise* sangat ditekankan agar objektif KV tercapai

melalui program berkenaan. Justeru, penyelidik telah memfokuskan objektif dan tujuan kajian untuk memastikan kajian yang dijalankan berada dalam skop yang betul. Secara holistiknya, bab ini memperincikan secara langsung berkaitan tujuan, matlamat dan kepentingan kajian yang akan digunakan oleh pihak yang terbabit.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan beberapa sub tajuk yang berkaitan dengan kajian ini. Sememangnya kajian literatur ataupun sorotan kajian merupakan perkara paling penting di dalam sesuatu kajian tersebut. Chua (2006) menjelaskan bahawa kajian literatur adalah membuat rujukan secara kritikal dan sistematik ke atas dokumen-dokumen yang mengandungi maklumat, idea, data dan kaedah memperoleh maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian yang akan dilaksanakan.

2.2 Teori Kompetensi

Kompetensi merujuk kepada pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi atau *personality traits* yang perlu bagi melaksanakan sesuatu tugas atau tanggungjawab. Kamus Dewan edisi dwibahasa mentafsirkan kompetensi sebagai kelayakan, kemampuan, kesanggupan dan kecekapan untuk melakukan sesuatu tugasan (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999). Menurut Ibrahim (2003) pula menyatakan kompetensi adalah gabungan aspek pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang perlu dimiliki serta diamalkan bagi melaksanakan sesuatu pekerjaan atau jawatan.

Prinsip asas dalam model kompetensi menjelaskan bahawa prestasi seseorang pegawai perkhidmatan awam akan meningkat sekiranya mempunyai semua kompetensi yang diperlukan bagi menjalankan tugas dan tanggungjawab jawatan yang disandangnya. Selain itu, kompetensi guru juga dikaitkan dengan pelbagai elemen seperti *personal*, profesional dan sosial iaitu dalam aspek pengajaran, kepakaran dalam subjek, kepakaran dalam teori yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran, menguruskan proses pembelajaran, adaptasi dalam komuniti dan personaliti. Menurut Beare (2001) telah mengenalpasti bahawa terdapat lima

komponen kompetensi minimum bagi menilai seseorang guru iaitu dari aspek kurikulum, pedagogi, penilaian, sumbangan kepada sekolah dan sumbangan kepada profesion.

Selain itu juga, prinsip asas kompetensi menjelaskan bahawa seseorang pendidik dapat dipertingkatkan pengetahuan dan kemahirannya bagi menjalankan tugas dari semasa ke semasa sesuai dengan keperluan untuk membolehkannya melaksanakan tugas dengan berkesan. Malah ia juga memberikan kesan kepada pencapaian prestasi. Terdapat tiga komponen kompetensi yang utama yang telah diilustrasikan oleh Hay McBer di dalam Model *Aisberg* iaitu pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi. Kemahiran dan pengetahuan selalunya boleh diperolehi melalui kursus atau latihan dan boleh dikaitkan dengan kelayakan akademik. Pembangunan ciri-ciri peribadi seseorang pekerja adalah lebih mencabar dan perlu diberikan penekanan khas bagi mencapai kejayaan yang diharapkan melalui latihan dan pembangunan.

2.3 Kesediaan pensyarah melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran berorientasikan *School Enterprise*.

Profesion perguruan sebagai pendidik digalaskan tanggungjawab untuk membentuk manusia yang *syumul*. Pensyarah merupakan golongan pelaksana kurikulum yang mempunyai kedudukan terpenting dalam sistem pendidikan formal kerana guru menjadi teras yang menentukan standard, mutu dan keberkesanan setiap aktiviti *School Enterprise* dalam sistem pendidikan.

Hussein (2004) berpendapat bahawa keberkesanan dalam profesion perguruan berkait rapat dengan keupayaan dan usaha seorang pendidik itu dalam memastikan kesempurnaan tanggungjawab terhadap para pelajar, kolej vokasional dan komuniti luar. Antara tumpuan keberkesanan tersebut adalah daripada elemen penggunaan sumber dan teknologi pengajaran, penggunaan kaedah pengajaran, mewujudkan persekitaran pembelajaran yang sihat dan berkesan, keselamatan bengkel yang menyediakan peraturan yang menepati piawaian keselamatan dan keberkesanan menanam sikap serta nilai-nilai murni dalam kalangan para pelajar. Maka dengan itu, sebagai tenaga pengajar *School Enterprise* seharusnya mempunyai tanggungjawab dan semangat yang padu dalam merealisasikan aktiviti *School Enterprise* di Kolej Vokasional.

Menurut Sidin (2002) menyatakan bahawa para pendidik memainkan peranan penting dalam menjaga kredibiliti mereka sebagai golongan profesional. Justeru, tanggungjawab tenaga pengajar dan budaya kerja di Kolej Vokasional perlu menunjukkan ciri-ciri yang profesional. Antara ciri yang utama adalah para pensyarah di Kolej Vokasional adalah sebagai pembimbing, mentor atau ketua kepada pensyarah yang baru memulakan tugas, para pensyarah merupakan pakar dalam bidang pedagogi pendidikan, ilmu dan kemahiran yang diajar serta aspek komunikasi dengan para pelajar dan sebagainya dan para pensyarah dapat mewujudkan hubungan secara 'lateral' atau 'collegial' iaitu hubungan sesama rakan sepejabat dengan staf yang lain dengan lebih kondusif untuk pembaharuan dan perubahan dalam profesion perguruan.

Menurut Hussein (2004) menyatakan bahawa para pendidik hendaklah mematuhi etika kerja bagi mencapai kualiti sepanjang masa dan kecemerlangan pendidikan sepanjang usia. Konsep etika kerja adalah sebagai panduan tingkah laku yang menjadi pegangan setiap warga Kementerian Pendidikan Malaysia berteraskan nilai-nilai murni dan mulia. Antara objektif etika kerja yang seharusnya dipupuk ke dalam jiwa para pensyarah ialah menanam sikap positif dan menghapuskan sikap negatif dalam melaksanakan segala tugas yang diamalkan bagi mempertingkatkan kualiti kerja, meningkatkan disiplin untuk menghasilkan perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan dan organisasi dan memberikan sumbangan positif yang konsisten kepada negara.

Secara tidak langsung, profesion perguruan merupakan profesion yang menuntut pendidik supaya menjadi *role model* yang berketerampilan dan berkarisma agar boleh diteladani daripada elemen profesion seperti kemampanan sahsiah, ketinggian ilmu, ketekunan bekerja serta mengamalkan nilai murni yang berpegang teguh kepada profesionalisme dalam mendidik dan membimbing generasi Y. Pengajar yang melaksanakan program *School Enterprise* juga perlu mempunyai keterampilan diri yang bagus untuk membimbing para pelajar ke arah merealisasikan modal insan berkemahiran tinggi kelas pertama.

2.3.1 Tahap Amalan Pensyarah terhadap pelaksanaan *School Enterprise*

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, amalan bermaksud sesuatu yang dilakukan sebagai suatu kebiasaan. Airasian (2001) menyatakan amalan yang biasa dilakukan oleh seorang pendidik dalam proses pembelajaran dan pengajaran meliputi aspek-

aspek seperti mengesan tahap penguasaan pembelajaran pelajar, memberi latihan atau kerja rumah kepada pelajar berdasarkan tahap pencapaian pelajar, menyemak hasil kerja pelajar, menentukan konstruk yang ingin ditaksir dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta merangsang pelajar untuk belajar.

Selain itu, tahap amalan yang tinggi dalam melaksanakan sesuatu program boleh menjadikan para pensyarah lebih berkeyakinan dan dapat melaksanakan tugas dengan berkesan. Amalan dipengaruhi oleh pelbagai faktor dan antaranya ialah minat. Para pensyarah yang mempunyai minat akan memperlihatkan tingkah laku yang positif. Sebaliknya para pensyarah yang tidak mempunyai minat akan mencerminkan tingkah laku yang berbeza. Sekiranya seseorang individu itu berminat tetapi mempunyai kebolehan yang sederhana, mereka boleh mengembangkan minat yang mendalam dan juga bergantung kepada usaha yang gigih mengikut tahap pencapaian mereka.

Dalam pelaksanaan *School Enterprise*, para pensyarah perlu mempunyai amalan yang sentiasa positif ke arah menjayakan segala tugas dan kerja yang dirancang. Oleh kerana konsep *School Enterprise* lebih melibatkan kepada konsep keusahawanan, justeru para pensyarah harus mempunyai minat yang mendalam terhadap bidang keusahawanan dan juga perniagaan. Para pensyarah yang tidak mempunyai minat dan amalan yang baik akan menjejaskan segala aktiviti *School Enterprise* yang dijalankan.

Di samping itu, pendidik yang berminat dalam pengajarannya, mempunyai amalan yang positif dalam meningkatkan prestasi akademik dan turut yakin dengan apa yang dilaksanakannya malahan secara tidak langsung akan mencerminkan sifat sabar, komited, mudah didekati dan juga mesra. Menurut Aziz (1995), kurang keyakinan diri akan mengakibatkan seseorang individu itu bimbang dan risau serta gelisah dan akhirnya mungkin menyebabkan gangguan di dalam melaksanakan sesuatu tugas.

Para pensyarah yang efisien adalah tenaga pengajar yang serba mahir di dalam pelbagai kaedah dan teknik pengajaran yang menarik dan sesuai diadaptasikan untuk para pelajarnya (Alsagoff, 1983). Hal ini bermaksud para pensyarah sendiri sepatutnya mempunyai pengalaman, banyak pengetahuan dan mahir mengajar dalam pelbagai keadaan. Berdasarkan Laporan Kabinet (1979) menyatakan bahawa para pendidik masa akan datang perlulah dipilih daripada mereka yang mempunyai minat yang mendalam dan berkemampuan menjalankan peranan sebagai pengajar.

Justeru, para pensyarah yang terlibat dalam program *School Enterprise* harus teliti merancang dan menyampaikan ilmu pengetahuan serta kemahiran untuk memastikan program *School Enterprise* dilaksanakan dengan jayanya (Iredale, 2014).

2.3.2 Tahap Pengetahuan Pensyarah terhadap pelaksanaan *School Enterprise*

Umumnya, peranan utama pendidik adalah sebagai penyampai ilmu yang lebih banyak berkomunikasi malahan faktor pengetahuan juga adalah dalam bentuk bertulis sahaja. Kini, dalam arus perdana dunia pendidikan, para pensyarah lebih berperanan sebagai pemudah cara yang semestinya lebih bersedia serta peka dalam melahirkan dan menggunakan variasi situasi pengajaran dan pembelajaran secara efisien. Berdasarkan kajian Alsagoff (1990), faktor pengetahuan bukan hanya fokus kepada bentuk bertulis namun lebih kepada bentuk teknologi selari dengan kepesatan teknologi yang semakin canggih.

Para pensyarah di Kolej Vokasional harus diberikan budi bicara agar tampak berani, bersifat kreatif dan inovatif serta berpandangan jauh supaya menghadapi kepelbagaian kecenderungan minda dan bakat para pelajar. Pensyarah juga perlu lebih bersedia daripada sudut emosi, fizikal dan mental bagi menjayakan pelbagai program *School Enterprise* untuk memartabatkan sistem pendidikan negara ke persada dunia. Sebagai seorang pensyarah yang mengajar bidang kemahiran di Kolej Vokasional, mereka harus berani mencuba kaedah dan teknik baru ketika melaksanakan tugas di kolej, justeru hal ini akan menjadikan pengajaran lebih menarik lagi menyeronokkan (Iredale, 2014).

Selain itu, sebagai seorang pensyarah yang berkredibiliti dan berintegriti seharusnya meraih peluang bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka untuk melahirkan para pelajar yang mempunyai kemahiran dinamik serta kerjaya yang baik dan mampu bersaing dengan orang lain di luar sana.

Di samping itu, sesuatu pelaksanaan akan menjadi lebih kompleks apabila sesuatu aspek inovasi yang dinilai secara berlainan oleh pelbagai pihak yang melaksanakannya. Di dalam kelas atau bengkel, pensyarah itu sendiri harus memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang akan dijalankan kepada para pelajar. Mereka ini bertanggungjawab untuk memperkenalkan inovasi dan kurikulum di Kolej Vokasional. Bagi menjayakan sesuatu inovasi dalam kurikulum, para pensyarah seharusnya diberikan pendedahan

dan latihan tentang proses pengajaran dan pembelajaran yang baru untuk menepati kehendak inovasi terbabit.

Seterusnya, menurut Alsagoff (1990), kualiti para pensyarah bukan hanya bergantung kepada pengetahuan dan kemahiran mereka, namun bergantung kepada tahap motivasi mereka untuk menggunakan ilmu pengetahuan dan kemahiran tersebut secara efisien. Bagi menguasai tahap pengetahuan dan kemahiran yang lebih tinggi, mereka harus melaksanakan proses tambah nilai, mendalami dan memahami dunia perniagaan serta menguasai pelbagai input kemahiran menerusi kursus latihan yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Maka dengan itu, selaras dengan transformasi baru dalam Pendidikan Vokasional, seharusnya para pensyarah perlu mengemaskini tahap profesionalisme secara konsisten melalui pelbagai kursus yang diberikan dalam perkhidmatan. Dengan cara ini, para pensyarah dilatih dengan kemahiran dan teknik untuk memastikan pengetahuan dalam pelaksanaan *School Enterprise* dapat ditimba dengan baik dan akhirnya mencapai objektif pendidikan negara.

2.3.3 Tahap Kemahiran Pensyarah terhadap pelaksanaan *School Enterprise*

Mengikut persepsi individu, kemahiran mempunyai pelbagai definisi yang berbeza dalam aspek kehidupan. Kebanyakan pihak dan pakar menafsirkan dengan kefahaman dan penyelidikan mereka sendiri. Berdasarkan Ayob (2003), kemahiran adalah salah satu tonggak penting yang mendorong kecekapan daya saing sesebuah negara dalam persekitaran globalisasi dan liberalisasi sebagai usaha memantapkan pertumbuhan ekonomi yang utuh. Setiap kompetensi kemahiran melibatkan keupayaan dalam mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi bagi menjalankan tugas dengan baik untuk mencapai matlamat organisasi.

Menurut Royo *et al.* (2011), kemahiran merupakan satu elemen yang penting kerana kemahiran adalah satu keperluan dalam menjalani kehidupan seharian dan bukan hanya fokus kepada kemahiran dalam bidang teknik dan vokasional sahaja. Ketiadaan kemahiran dalam kerjaya akan menyebabkan seseorang itu tidak dapat menjalankan tugasnya dengan baik dan ini sudah tentu akan menyekat kemajuan dan kepuasan yang diperolehi dan kejayaannya (Salim, 1996). Dalam melaksanakan tugas dengan baik, kemahiran teknikal diperlukan untuk melengkapi satu proses yang membolehkan pelaksanaan sesuatu program atau perkara dapat dijalankan dengan baik, mempamerkan tingkah laku, simulasi, memainkan peranan dan membolehkan

pengajaran dan pembelajaran secara teknikal berlaku. Abdul Azizi (2000) menyatakan kemahiran teknikal yang didapati daripada pendidikan formal kemudiannya diperkembangkan melalui latihan yang sesuai dan pengalaman yang diperolehi daripada kerja yang dilakukan.

Seterusnya kemahiran yang diperlukan adalah kemahiran keusahawanan yang merupakan antara kemahiran penting dalam kemahiran insaniah yang harus dimiliki oleh setiap individu yang berkecimpung dalam bidang keusahawanan. Menurut Husaini & Ahmad (2008), kegiatan keusahawanan merupakan satu proses memupuk dan melahirkan pelajar dengan budaya berniaga. Pendidikan keusahawanan merujuk kepada satu proses mendapatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran tentang segala kegiatan yang dilakukan oleh usahawan melalui pengajaran dan pembelajaran (Buang, 2006). Malah menurut Buang (2006) lagi, kurikulum pendidikan keusahawanan diasaskan kepada empat tunjang iaitu pembentukan sikap atau ciri-ciri penting, pembentukan atau orientasi, kemahiran pengurusan perniagaan dan pembentukan vokasional. Para pensyarah seharusnya mempunyai motivasi dan minat untuk menguasai kemahiran keusahawanan dan seterusnya menrapkan elemen tersebut kepada anak didik (Che Hassan *et al.*, 2010).

Seterusnya, sebagai seorang pensyarah bukan sahaja perlu mempunyai kemahiran teknikal dan keusahawanan, namun turut harus menguasai kemahiran komunikasi, kepimpinan, pemudahcara, pengurusan, strategi pengajaran dan pembelajaran, menyelesaikan masalah serta berfikir secara kritis dan inovatif (Abdul Hamid, 1999). Hal ini demikian kerana kemahiran tersebut sangat penting untuk dikuasai oleh setiap lapisan pensyarah bagi mengesan setiap kelemahan dan kekuatan dalam mengendalikan dan menilai keberkesanan setiap proses pengajaran dan pembelajaran bersama pelajar.

Kemahiran juga turut ditafsirkan sebagai kecekapan seseorang individu itu melakukan sesuatu perihal. Menurut Mohd Salleh (2005), aspek kemahiran berfikir dan kemahiran teknikal serta kemahiran sosial yang dibentuk dalam program pembangunan profesionalisme staf dapat meningkatkan tahap kemahiran kepada para pensyarah Kolej Vokasional. Justeru, para pensyarah sepatutnya lebih peka dan bersedia dengan kemahiran dan perkembangan dalam bidang masing-masing. Selain itu juga, kemahiran teknikal melibatkan penguasaan teknik dan pengetahuan tertentu dalam penggunaan peralatan dan bahan. Hal ini kerana untuk menghasilkan produk serta memberikan perkhidmatan yang dikehendaki. Bagi mencapai setiap objektif

yang ingin dilaksanakan dalam program *School Enterprise*, seseorang pensyarah itu harus mengaplikasikan kedua-dua kemahiran secara teori dan kemahiran teknikal.

2.4 Konsep *School Enterprise* di Kolej Vokasional (ERT)

Menurut Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, Kementerian Pelajaran Malaysia, (2009), *School Enterprise* di Kolej Vokasional (ERT) merupakan satu pendekatan pelaksanaan kurikulum melalui pembelajaran berasaskan pengeluaran produk komersial (*Production Based Education*) atau perkhidmatan bagi melahirkan usahawan yang berkemahiran dan menepati keperluan industri serta seterusnya meningkatkan kebolehpasaran pelajar. Matlamat pelaksanaan *School Enterprise* adalah seperti berikut :-

- i. Untuk memperkasakan pendidikan teknik dan vokasional di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia.
- ii. Untuk mewujudkan satu identiti sekolah yang dikenali ramai.
- iii. Untuk melahirkan usahawan berkemahiran dalam kalangan para pelajar.
- iv. Untuk menjalinkan hubungan kerjasama yang baik di antara sekolah dengan agensi kerajaan atau swasta yang terlibat dalam bidang usahawan tersebut.
- v. Menjadikan kolej sebagai institusi yang mengeluarkan produk tenaga mahir, produk barangan dan perkhidmatan pada masyarakat setempat.

Manakala tujuan pelaksanaan *School Enterprise* adalah :-

- i. Dapat meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan minat tenaga pengajar dan pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran.
- ii. Meningkatkan motivasi pembelajaran pelajar.
- iii. Mendedahkan pelajar kepada alam pekerjaan sebenar.
- iv. Mendedahkan pelajar kepada dunia pekerjaan sebenar.
- v. Mendedahkan pelajar kepada dunia perniagaan.
- vi. Mengeratkan hubungan antara pihak kolej dan masyarakat luar.
- vii. Sebagai sumber pendapatan kolej.
- viii. Tenaga pengajar dan pelajar dapat menghasilkan produk dan perkhidmatan yang berkualiti.

- ix. Berlaku aktiviti kemasyarakatan antara warga kolej dengan pihak komuniti setempat dengan adanya aktiviti perniagaan.

2.5 Pelaksanaan *School Enterprise* di Kolej Vokasional (ERT)

Terdapat beberapa faktor yang perlu diambil kira dalam pelaksanaan *School Enterprise*. Menurut John *et al.*, (2008) antara faktor yang perlu diambil kira sebelum melaksanakan *School Enterprise* adalah melihat daripada segi struktur kurikulumnya. Malah menurut beliau lagi, struktur kurikulum ini akan dilihat daripada segi pengubahsuaian dan penambahan kursus yang perlu dilakukan dan dilihat sama ada kursus yang di tambah itu sesuai dengan objektif penubuhan *School Enterprise* atau boleh diubah mengikut keadaan semasa.

Selain itu, tempoh pembelajaran untuk pelajar melakukan aktiviti juga perlu diambil kira. Tempoh pembelajaran yang ditekankan di sini adalah bertujuan untuk melayakkan para pelajar dianugerahkan sijil mengikut piawaian akademik yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah. Seterusnya, menurut John *et al.*,(2008) lagi menyatakan bahawa perluasan aktiviti *School Enterprise* perlu dilakukan kepada semua aktiviti di dalam kolej. Kurikulum daripada segi kursus yang terlibat dapat diperluaskan kepada semua kursus yang ada di kolej. Di Kolej Vokasional (ERT), kursus dan aliran kemahiran dan vokasional lebih banyak menjalankan kerja amali.

Di samping itu, menurut Larson (1999), untuk melakukan aktiviti *School Enterprise*, infrastruktur yang terlibat perlu diberi perhatian kerana tempat untuk para pelajar menjalankan aktiviti harus sesuai dan selamat malahan boleh dilihat oleh pelanggan yang terdiri daripada komuniti luar di sekitar sekolah. Hal ini bertujuan untuk memperkenalkan produk yang dihasilkan dan perkhidmatan yang disediakan oleh para pelajar kepada pelanggan dan akhirnya dapat dijual kepada masyarakat di luar. Menurut Tom (2003) menyatakan bahawa aspek latihan dan kemahiran yang diperlukan oleh para pengajar dan pelajar adalah amat penting bagi menyelaraskan objektif pelaksanaan *School Enterprise* dengan tahap pengetahuan dan kemahiran tenaga pengajar dan para pelajar.

Daripada sudut motivasi pula, David *et al.*, (1994) berpandangan bahawa adalah sangat penting bagi menilai minat dan tahap keberkesanan aktiviti untuk para pelajar yang terlibat dalam *School Enterprise* ini. Hal ini disebabkan oleh minat dan komitmen para pelajar akan membolehkan mereka menjayakan penjualan produk dan

perkhidmatan sekaligus memenuhi skop piawaian perniagaan berdasarkan *School Enterprise*.

Para pensyarah khususnya memainkan peranan penting dan bertanggungjawab dalam sesuatu aktiviti perniagaan yang dijalankan di Kolej Vokasional. Ini disokong oleh Tom (2003) yang menyatakan bahawa tenaga pengajar bertindak sebagai penasihat dan penyelia untuk mengkoordinasi dan menilai pelaksanaan program *School Enterprise* secara konsisten. Malahan pula, para pengajar turut harus bersikap membantu bagi menjayakan misi pelaksanaan *School Enterprise* terbabit. Pengajar juga perlu membantu dalam menentukan produk dan perkhidmatan yang akan dijual kepada masyarakat di luar kawasan sekolah.

Menurut Tom (2003) lagi menyatakan bahawa untuk melaksanakan *School Enterprise*, kemudahan dan kelengkapan sekolah menjadi persoalan utama. Ini kerana untuk melaksanakan *School Enterprise* yang melibatkan aktiviti menyerupai di dalam bidang pekerjaan sebenar dan memerlukan kelengkapan serta kemudahan yang banyak dan mencukupi. Sebaliknya apabila kekurangan kemudahan akan menjejaskan aktiviti terbabit dan mengakibatkan aktiviti *School Enterprise* tidak berjaya dengan sepenuhnya.

Seterusnya, beliau juga berpendapat bahawa faktor kewangan amat penting dalam melaksanakan *School Enterprise*. Hal ini demikian kerana faktor kewangan adalah berkaitan dengan jumlah wang yang diperlukan dan bagaimana wang tersebut digunakan secara bermanfaat untuk mengelolakan aktiviti *School Enterprise* terbabit. Jikalau berlaku risiko kerugian, pensyarah dan pelajar perlu arif menangani masalah tersebut dan mengetahui di mana mereka boleh mendapatkan sumber kewangan yang lain. Pihak pentadbiran Kolej Vokasional secara tidak langsung perlu memantau hasil jualan produk *School Enterprise* yang dijual akan disalurkan ke mana dan cara pengagihan hasil yang diperolehi itu.

2.6 Definisi *School Enterprise*

Program *School Enterprise* merupakan salah satu kaedah pendedahan kepada para pelajar dalam alam pekerjaan sebenar dan alam perniagaan, meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan minat pelajar terhadap bidang keusahawanan serta mengeratkan hubungan baik antara kolej, masyarakat dan pihak industri. Menerusi aktiviti dalam program *School Enterprise* ini, para pelajar mempraktikkan kemahiran yang mereka pelajari dengan menjual produk atau perkhidmatan dengan komuniti

setempat. Penglibatan semua pelajar telah dipertingkatkan dengan mengadakan lebih banyak aktiviti-aktiviti keusahawanan di peringkat kolej masing-masing ataupun melibatkan komuniti setempat. Malah selain mengadakan aktiviti perniagaan, program *School Enterprise* telah mengadakan kerjasama dengan pihak luar seperti usahawan yang berjaya mahupun alumni Kolej Vokasional yang telah berjaya menjadi usahawan untuk mengambil bahagian dalam membimbing dan sebagai pencetus semangat kepada para pelajar kini (Sumi *et al.*, 2014).

Menurut John *et al.*, (2008), mentafsirkan *School Enterprise* sebagai sekolah yang mapan, sekolah yang menaja, pelajar bertindak sebagai pengusaha dalam pengeluaran barangan dan penawaran perkhidmatan oleh pihak kolej atau komuniti luar. Selain itu, beliau berpendapat bahawa konsep *School Enterprise* bukanlah sesuatu perkara yang baru. Malah, *School Enterprise* dilaksanakan atas tujuan untuk memberikan kemahiran-kemahiran kepada pelajar dan seterusnya berkemampuan untuk melakukan sesuatu pekerjaan dan boleh diambil bekerja oleh pihak organisasi luar.

Maka dengan itu, *School Enterprise* adalah salah satu program yang bermanfaat kepada para pelajar dan memberikan satu input berguna dalam gambaran pekerjaan sebenar kelak. Di samping itu, *School Enterprise* juga telah membuka pelbagai peluang kepada para pelajar dalam mengaplikasikan kemahiran keusahawanan malahan dapat mengajar mereka tentang aktiviti pengurusan, penyeliaan dan kemahiran memimpin dalam kumpulan.

2.7 Konsep *School Enterprise*

Menurut John *et al.*, (2008), *School Enterprise* merupakan sebuah sekolah mapan, sekolah yang menaja, pelajar itu sendiri bertindak sebagai pengusaha dalam bidang pengeluaran barangan mahupun penawaran perkhidmatan untuk pihak sekolah atau komuniti luar. Malah *School Enterprise* dilaksanakan atas matlamat untuk memberi sebanyak mungkin kemahiran kepada pelajar dan akhirnya turut berkemampuan untuk melakukan sesuatu pekerjaan serta boleh diambil bekerja oleh pihak organisasi luar. Menurut Gerald, (2005), cetus idea bagi membangunkan *School Enterprise* adalah memupuk minat belia dan remaja ke arah mendekatkan diri dengan bidang keusahawanan sambil membuka peluang kepada mereka dalam menceburi aktiviti perniagaan.

RUJUKAN

- Abdul Azizi (2000), *Pengurusan dan Gelagat Organisasi di Abad ke 21*. Prentice Hall.
- Abdul Ghafar, M.N. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Ghafar, M.N. (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai, Johor : Universiti Teknologi Malaysia.
- Ali, I. (2013). *Implementation of technical and vocational education in Nigeria*. PhD thesis, Universiti Teknologi Malaysia, Fakulti Pendidikan.
- A.Rahman, T.K. (2000). *Perancangan Memulakan dan Mengembangkan Perniagaan*. Dewan Ekonomi 17-18.
- Ab. Rahman, M.N. (2000), *Teras Penyelidikan*, Penerbit Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Ahmad, A., Nazeri, A., Yusof, R., et. all. (2015), *Entrepreneurship: A Handbook*. Kuala Lumpur: Pearson Malaysia Sdn Bhd.
- Ahmad Tajudin Jab. (2009). *Transformation of Voctech Education in 10 Malaysia Plan Slaid*. Malaysia : Jabatan Pendidikan Teknikal, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Airasian P.W. (2001). *Classroom assessment: Concepts and application*. NewYork: McGraw-Hill.
- Alsagoff, S.A. (1983), *Ilmu Pendidikan*. Kuala Lumpur: Heinmann Asia.
- Alsagoff, S.A. (1990), *Sosiologi Pendidikan*. Selangor: Longman Malaysia.
- Attan, N. (2002), *Tahap kesediaan guru dalam penggunaan teknologi maklumat Berasaskan komputer bagi pengajaran dan pembelajaran Sains. :* Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Awang, A.H., Hamzah, A., Ismail, R. & Uli, J. (2008). *Kemahiran Bolehkerja: Keseimbangan Antara Tuntutan Majikan dan Penguasaan Pelatih*.

Universiti Putra Malaysia.

Ayob, A. (2003). *Keperluan kemahiran generik di kalangan pekerja di Industri Elektrik dan Elektronik Bayan Lepas P.Pinang*. Universiti Teknologi Malaysia.

Baba, A. (1999), *Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, Kementerian Pelajaran Malaysia, (2009), *Pelaksanaan School Enterprise*. Dicapai pada 10 April 2015 dari <http://www.bptv.edu.my/>

Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, Kementerian Pelajaran Malaysia, (2012), *Transformasi Pendidikan Vokasional*. Dicapai pada 14 April 2015 dari <http://www.bptv.edu.my/>

Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia, (2014), *Garis panduan pelaksanaan School Enterprise (SE), Kolej Vokasional (KV)*. Edisi Interim April 2014. Dicapai pada 14 April 2015 dari <http://www.bptv.edu.my/>

Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (2015). *Info Kemasukan bidang vokasional dan senarai Kolej Vokasional serta kursus*. Dicapai pada 14 April 2015 dari <http://www.bptv.edu.my/>

Baird, A., Harrelson, W., (2008) *Analysis of Fundacion Paraguaya's Financially Self-Sufficient Agricultural High School*. UN Habitat Publications: New York, USA.

Bardai, B. (2000). *Keusahawanan dan Perniagaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bernama, 8 Januari 2012. *Pendidikan Vokasional perlukan perubahan besar dan segera*.

Buang, N.A, (2006). *Draf Pendidikan Keusahawanan*.

Buang, N.A. & Yap, P.M. (2002). *Kesediaan Guru-Guru Perdagangan Di Wilayah Persekutuan Dari Aspek Pengetahuan Kaedah Pengajaran Dan Sikap Terhadap Pengajaran Subjek Pengajian Keusahawanan*". Universiti Teknologi Malaysia : Jurnal Teknologi, 37 (E) Dis. 2002:1-16.

Creswell, J. W. (2008). *Research Design : Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publication.

Chua, Y. P. (2006). *Asas Statistik Penyelidikan*. Buku kedua, Malaysia: Mc Graw

Hill.

- Commission, E. (2009). *Entrepreneurship in Vocational Education and Training* (pp. 1-46).
- David, S., James J., Charles, H., Martin, M. & Robert, C. (1994), *School Based Enterprise: Productive Learning in American High School*. San Francisco.
- Din, M.S., et. all. (2005). *The Development of Entrepreneurship and Enterprise in Higher Education in Malaysia*. Tesis PhD. University of Durham.
- Draycott & Rae., (2011), *The assessment of enterprise education in the secondary Education Sector : a new approach? : United Kingdom*.
- Giacomin, O., Janssen, F., Pruett, M., Shinnar, R. S., Llopis, F., Toney, B. (2011). *Entrepreneurial intentions, motivations and barriers: differences among American, Asian and European students*. Int Entrep Manag J, 7, 219-238.
- Hassan, M. O. & Haslizah, R. (2010), *Penilaian Pelaksanaan Program Tunas Bistari Dalam Pembangunan Budaya Keusahawanan Di Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Pontian Johor*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Hassan, H., Ahmad, R., Bahari, A. (2008). *Kemahiran Insaniah dan Kepentingan Penerapannya dalam Program Baktasiswa Perdana: UniMAP*.
- Horne, T.(2003). *Work Based Learning Resources Guide: A Guide for Connecting Career and Technical Education to the Workplace*. Arizona Department of Education.
- Hussin, S. (2004). *Pentadbiran dalam Pembangunan Pendidikan*. Pahang: PTS Sdn. Bhd.
- Hytti, Ulla & O’Gormon, Colm. 2004. *What is “Enterprise Education”?* An Analysis Of the Objectives and Methods of Enterprise Education Programmes in Four European Countries. *Education + Training*. 46(1) : 11-23.
- Idris, N. (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw-Hill.
- Iredale, N., Jones, B. (2014). *Enterprise and entrepreneurship education: towards a comparative analysis*. *Journal of Enterprising Communities: People and Places in the Global Economy*, Vol. 8 Iss:1, pp.34-50.
- John, G., Foley, C., Frank, A., & Olson, C. (2008). *Developing and Operating School Based Enterprise that Empower Special Education Students To Learn and Connect Classroom, Community and Career Related Skills*. *The Journal For Vocational Special Needs Education*, Vol 31, No 1-3, pp. 19-56.

- Kamaruddin, A. (2005). *Tahap kesediaan pensyarah dalam melaksanakan Pengajaran secara hands on di Politeknik*.: KUiTTHO. Tesis Sarjana.
- Kamaruddin, N.A. (2007). *Kesediaan pensyarah dari segi sikap, kemahiran dan dan pengetahuan terhadap pelaksanaan penerapan kemahiran insaniah di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia* : UTHM.
- Kauchak dan Enggan (1989). *Learning and Teaching*. : Massachusset : Allyn and Bacon.
- Kehler M.L., Sanabria L.F., Teeple P., (2009). *Market-Driven Youth Programs and The Bottom Line: Using Income-Generating Activities to make Programs 100% Market Driven*. The SEEP Network: Washington D.C., USA.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2013). *Laporan akhir Profesionalisme Guru*.
- Kerjcie, R. V. (1970). *Determining Sample Size for Research Activites. Educational And Psychological Measurement*. 30: 607-610.
- Konting, M. M. (2004). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan" Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kumar, R. *Research Methodology – A Step by Step Guide for Beginners*. 1999. Published by Sage Publications. Michelle Lowe, *Beginning Research a Guide for Foundation Degree Students – 2007*. Published by Routedge New York. Judith Bell, *Doing Your Research*.
- Larson, R. (1999), *Who's Minding the Store? A guide for educators working with School based learning: Activities and Strategies for Creating and Operating Innovative and Productive Learning Experiences*. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur: Longman Malaysia Sdn.Bhd.
- Lebar, M.S. (2002). *Pentadbiran Pendidikan dan Pendidikan di Malaysia*. Petaling Jaya: Addison Wesley Longman.
- Mahmud, S.M., Hamzah, R., et. all. (2011), *Keusahawanan Dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) di Malaysia*, Journal of Edupres, Volume 1, September 2011, Pages 209-213, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310, Johor, Malaysia.
- Malaysia (1995). *Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979* <http://www.geocities.com> . Athens.
- Mohamad, M., Ahmad, J., (2014), *Kesediaan Pensyarah mentransformasikan Pentaksiran Program Prauniversiti: Satu Analisis Faktor*. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.

- Mohamad, Z. (2009). *Konsep Pelaksanaan School Enterprise di Sekolah Menengah Vokasional*. Fakulti Pendidikan Teknikal: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Mohamad, Z. (2008). *Amalan Pengurusan dan Penyelenggaraan Bengkel dalam Kalangan guru-guru Kemahiran Hidup Bersepadu di 12 buah Sekolah Menengah di Negeri Perlis*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Dom, A. (2012). *Isu Pendidikan: Transformasi vokasional lahirkan ramai usahawan*. Utusan Malaysia. Dicapai pada 14 April 2015 dari <http://www.utusan.com.my/>
- Mohd Salleh, S. (1995). *Sikap pelajar terhadap pendidikan perdagangan dan Keusahawanan di dalam Kemahiran Hidup Bersepadu*. Latihan Ilmiah. Universiti Putra Malaysia.
- Musa, S. (1996). *Persepsi Guru Terhadap Keperluan Pelajar dan Keupayaan Mengajar Kemahiran Keusahawanan Dalam Mata Pelajaran Elektif Vokasional dan Teknologi*. Tesis Sarjana Sains. Universiti Putra Malaysia.
- Othman, N. (2002). *Keberkesanan Program Keusahawanan Remaja Di Sekolah Menengah*. : Universiti Putra Malaysia.
- Putih, Y. (1985) *Keusahawanan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramdzan, Z. (2013) *Kesediaan, amalan dan strategi pengajaran Pendidikan Islam Kurikulum Standard Sekolah Rendah Tahun Satu*. Fakulti Pendidikan : Universiti Teknologi Malaysia.
- Ross, M.S. (2002). *School Based Enterprise*. Proquest Education Journal, pp. 20-24.
- Royo, Muhammad Abdillah, Mahmood, Haleefa (2011). *Faktor-faktor kelemahan yang mempengaruhi pencapaian cemerlang dalam mata pelajaran Reka Cipta*. Jurnal Psikologi Pendidikan dan Kaunseling, 2(6). ms 145-174.
- Salam, S.M. (2005). *Kesediaan guru Sekolah Menengah Teknik di Negeri Melaka Dalam pengajaran E-learning*. KuitTHO. Tesis Sarjana.
- Samsuddin, H. (2008). *Tahap pelaksanaan pengurusan bengkel Mata Pelajaran Vokasional di Sekolah Menengah Akademik Harian di Daerah Kuala Selangor, Klang dan Kuala Langat, Selangor*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Saunders, M., Lewis, P. dan Thornhill, A. (2000), *Research methods for business Students*, Pearson Education Limited.

- Scheerens, J. (1992). *Effective Schooling: Research, theory and practice*. Original Dutch Edition (*1st ed.*). London: Dotesios Ltd.
- Sekaran, U. (2006). *Metod Penelitian Bisnis*. Jakarta : Salemba Empat.
- Sidin, R. (2002). *Konsep guru profesional. Dalam Prosiding Seminar Kebangsaan Profesion perguruan*. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Singh M., (2008). *School Enterprises Revisited: Combining Vocational Learning With Production in Work, Learning and Sustainable Development*. Springer Netherlands.
- Sluis, J.V.C., Praag, M.V. & Vijverberg, W. (2004). *Entrepreneurship Selection and Performance*. Amsterdam : Tinbergen Institute.
- Sulaiman, H., (2013). *Cadangan Garis Panduan Pelaksanaan Program School Enterprise dalam Kursus Teknologi Pembinaan di Kolej Vokasional*. Fakulti Pendidikan: Universiti Teknologi Malaysia.
- Sumin, R., Othman, R., Mohd Taha, R., Buntat, Y., (2014). *Faktor yang Mempengaruhi dan cadangan meningkatkan tekad keusahawanan pelajar Kolej Vokasional*. First Technical and Vocational Education International Seminar 2014 (TVEIS 2014). Universiti Teknologi Malaysia.
- Tom, B. (2003). *Teaching Entrepreneurship to Engineers & Scientists*. Stanford Technology University : Price Babson.
- Wiersma, W. dan Stephen G. J. (2005). *Reseacrh Method In Education : An Introduction*. Pearson. Toledo, New York, 2005.
- Van Aardt, I et al. (2008), *Entrepreneurship and New Venture Management*, edisi ke-3, Oxford University Press Southern Africa : Cape Town.